

KANDUNGAN

PK3.3 KRITERIA PENILAIAN PERUNDING	2
1. Kepentingan Menetapkan Kriteria Penilaian	2
2. Kapabiliti Firma Perunding	3
3. Kakitangan Yang Terlibat	5
4. Metodologi	5
5. Program Kepastian Kualiti (<i>Quality Assurance Program - QA</i>)	6
6. Sesi Pembentangan Oleh Perunding (sekiranya perlu).....	6
7. Penetapan Markah Lulus Penilaian dan Kriteria Penilaian termasuk Skema Pemarkahan	6
8. Kriteria Penilaian Kos	7

PK3.3 KRITERIA PENILAIAN PERUNDING

1. Kepentingan Menetapkan Kriteria Penilaian

- 1.1. Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) adalah bertanggungjawab dalam memastikan bahawa sebelum projek/kajian diiklankan, kriteria dan sub kriteria penilaian hendaklah terlebih dahulu ditentukan. Pindaan ke atas kriteria dan sub kriteria selepas projek/kajian diiklankan adalah tidak dibenarkan. Kriteria dan sub kriteria penilaian beserta peratus wajaran hendaklah disertakan bersekali dalam dokumen pelawaan perunding.
- 1.2. Secara amnya, proses penilaian cadangan perunding akan dilaksanakan dalam 2 peringkat saringan dengan peratus wajaran yang diberikan adalah ditetapkan seperti berikut:

Bil	Peringkat Penilaian	Peratus Wajaran (%)
1	Penilaian Teknikal	80
2	Penilaian Kos	20
Jumlah		100

- 1.3. Kriteria utama penilaian teknikal dan peratus wajaran hendaklah ditetapkan seperti berikut :

1.3.1. Projek Pembangunan Fizikal

Bil.	Kriteria Utama Penilaian Teknikal	Peratus Wajaran ¹ (%)	
		A	B
1	Kapabiliti Firma Perunding;	35	35
2	Kakitangan Yang Terlibat;	30	30
3	Metodologi;	30	25
4	Program Kepastian Kualiti; dan/atau	5	5
5	Sesi pembentangan oleh perunding (sekiranya perlu)	-	5
Jumlah		100	100

1.3.2. Kajian

Bil.	Kriteria Utama Penilaian Teknikal	Peratus Wajaran ² (%)	
		A	B
1	Kapabiliti Firma Perunding;	25	25
2	Kakitangan Yang Terlibat;	35	35
3	Metodologi;	35	30
4	Program Kepastian Kualiti; dan/atau	5	5
5	Sesi pembentangan oleh perunding (sekiranya perlu)	-	5
Jumlah		100	100

¹Pilih Wajaran A sekiranya tiada sesi pembentangan oleh perunding

²Pilih Wajaran A sekiranya tiada sesi pembentangan oleh perunding

1.3.3. Pra Kelayakan

Bil.	Kriteria Utama Penilaian Teknikal	Peratus Wajaran (%)
1	Kapabiliti Firma Perunding; dan	50
2	Kakitangan Yang Terlibat	50
Jumlah		100

- 1.4. Kriteria utama dan peratus wajaran seperti di atas adalah mandatori. Walau bagaimanapun, Agensi diberi fleksibiliti untuk menetapkan sub kriteria dan pemarkahan bagi setiap sub kriteria mengikut keperluan projek dan kreativiti Agensi. Contoh kriteria penilaian teknikal di **Lampiran 1** dan kriteria penilaian teknikal pra kelayakan di **Lampiran 2** hanyalah sebagai panduan dan adalah tidak mandatori. Walau bagaimanapun, kriteria, subkriteria dan skema pemarkahan hendaklah ditetapkan dan diluluskan oleh JPP sebelum projek/kajian diiklankan dan tidak boleh dipinda setelah ianya diiklankan.
- 1.5. Bagi membantu JPP dalam membuat penilaian teknikal dengan lebih terperinci, JPP hendaklah menetapkan subkriteria-subkriteria bagi setiap kriteria utama di atas dan menentukan wajaran yang bersesuaian.

2. Kapabiliti Firma Perunding

- 2.1. Di dalam mengenalpasti kapabiliti sesebuah firma dalam melaksanakan sesuatu projek/kajian, JPP boleh membuat penilaian dengan menetapkan peratus wajaran yang bersesuaian ke atas sub kriteria berikut :
- 2.1.1. **Berdaftar dengan Kementerian Kewangan**
Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tender diiklankan/surat dipelawa.
- 2.1.2. **Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan**
Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan yang ditetapkan oleh Agensi.
- 2.1.3. **Pendaftaran perunding masih sah bagi profesion yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Profesional masing-masing atau badan kawalan yang diiktiraf**
Tempoh pendaftaran perunding dengan Lembaga Profesional hendaklah masih sah sekurang-kurangnya enam (6) bulan daripada tarikh tender diiklankan/surat dipelawa.
- 2.1.4. **Saiz dan keupayaan firma perunding bersesuaian dengan projek/kajian**
(i) Bilangan kakitangan profesional perunding hendaklah mencukupi bagi melaksanakan sesuatu projek/kajian. Jadual di bawah boleh digunakan sebagai panduan:

Kategori	Kos Projek (RM)	Bilangan Minima Profesional ¹			
		C&S	Arkitek	Ukur Bahan	M&E
A	100 juta dan ke atas	6	6	6	6
B	60 juta sehingga 100 juta	4	4	4	4
C	30 juta sehingga 60 juta	3	3	3	3
D	Kurang daripada 30 juta	2	2	2	2

- (ii) Firma perunding adalah dibenarkan untuk *outsource* kakitangan sementara atau bergabung dengan firma lain secara *project basis* bagi memenuhi bilangan minima profesional yang ditetapkan oleh Agensi. Gabungan dengan firma lain hendaklah dipastikan ianya adalah turut berdaftar dengan MOF.

2.1.5. Kepakaran perunding dalam berurusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi pengemukaan dokumen permohonan Kebenaran Merancang/Kelulusan Pelan Bangunan

Kekerapan perunding berurusan dengan PBT di lokaliti projek yang akan dilaksanakan.

2.1.6. Nisbah ekuiti bumiputera

Nisbah ekuiti Bumiputera berbanding ekuiti Bukan Bumiputera/Asing.

2.1.7. Firma Tempatan di negeri projek/kajian

Firma mempunyai ibu pejabat/ cawangan di lokaliti projek.

2.1.8. Pengalaman firma dalam melaksanakan projek/kajian;

- (i) Bilangan dan jumlah nilai kerja bagi projek/kajian seumpana yang pernah dilaksanakan oleh firma; dan
- (ii) Bilangan dan jumlah nilai kerja bagi projek/kajian umum yang pernah dilaksanakan oleh firma.

2.1.9. Prestasi firma perunding;

- (i) Perunding mempunyai prestasi perkhidmatan yang baik bagi projek/kajian Kerajaan yang dilaksanakan sebelum ini sama ada berdasarkan pengalaman Agensi Pelaksana/ Agensi Pelanggan/ Agensi lain;
- (ii) Perunding bebas daripada tindakan tatatertib oleh Lembaga Profesional dan Kementerian Kewangan;
- (iii) Perunding tidak digulungkan; dan
- (iv) Firma/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah tidak disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia.

¹Kakitangan Profesional adalah individu yang berdaftar dengan Lembaga Profesional masing-masing sama ada dengan atau tanpa gelaran profesional. Contohnya Arkitek (gelaran : AR), Ingenieur (gelaran : IR), Surveyor (gelaran : SR) dan lain-lain.

- 2.1.10. **Beban Kerja**
Bilangan dan jumlah nilai kerja dalam tangan perunding pada ketika tender/pelawaan dibuat.
- 2.1.11. **Kedudukan kewangan firma perunding; dan**
Kedudukan kewangan firma yang kukuh berdasarkan Penyata Kewangan Tahunan untuk tempoh 3 tahun terkini, penyata KWSP dan SOCSO untuk tempoh 3 bulan terkini dengan menggunakan mana-mana formula kewangan yang bersesuaian.
- 2.1.12. Kriteria lain yang bersesuaian.

3. Kakitangan Yang Terlibat

- 3.1. Bagi mengenalpasti kakitangan yang terlibat dalam melaksanakan sesuatu projek/kajian, JPP boleh membuat penilaian dengan menetapkan peratus wajaran yang bersesuaian ke atas sub kriteria berikut :
 - 3.1.1. Bilangan Kakitangan Dalam Pasukan Projek
 - (i) Bilangan kakitangan tempatan berbanding kakitangan asing;
 - (ii) Bilangan kakitangan tetap dan sementara; dan
 - (iii) Bilangan kakitangan pakar (*key person*) bagi projek/kajian
 - 3.1.2. Status Kakitangan Dalam Pasukan Projek:
Status kakitangan firma di dalam pasukan projek sama ada kakitangan tetap atau sementara
 - 3.1.3. Kelayakan dan Pengalaman Pasukan Projek
Agensi dinasihati untuk menyediakan format *curriculum vitae* (cv) yang seragam bagi memudahkan proses penilaian dibuat. Format tersebut hendaklah mengandungi maklumat asas seperti berikut:
 - (i) Umur;
 - (ii) Tempoh Pengalaman Profesional;
 - (iii) Senarai Nama Projek/Kajian yang pernah dilaksanakan sama ada dalam negara atau luar negara;
 - (iv) Anugerah yang diperolehi (sekiranya ada);
 - (v) Kelulusan Akademik/Sijil Profesional;
 - (vi) Tahun kelulusan Akademik/Sijil Profesional yang diperolehi; dan
 - (vii) Pendaftaran dengan Badan Profesional (sekiranya berkaitan).

4. Metodologi

- 4.1. Bagi mengenalpasti kesesuaian metodologi sesuatu projek/kajian, JPP boleh membuat penilaian dengan menetapkan peratus wajaran yang bersesuaian ke atas sub kriteria berikut :
 - 4.1.1. Metodologi yang dicadangkan oleh perunding menepati terma rujukan;

- 4.1.2. Rangka kerja/aktiviti yang dicadangkan oleh perunding. Rangka kerja seharusnya juga mengandungi aktiviti pemantauan dan pelaporan oleh perunding; dan
- 4.1.3. Carta pasukan kerja berserta peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan.

5. Program Kepastian Kualiti (*Quality Assurance Program - QA*)

- 5.1. Sekiranya firma perunding mempunyai/melaksanakan program QA, firma berkenaan wajar diberikan permarkahan yang tinggi. Contoh program QA adalah seperti berikut:
 - 5.1.1. Program pembangunan kompetensi kakitangan firma;
 - 5.1.2. Inovasi;
 - 5.1.3. ISO/MS-ISO; atau
 - 5.1.4. Lain-lain yang bersesuaian

6. Sesi Pembentangan Oleh Perunding (sekiranya perlu)

- 6.1. Sesi pembentangan oleh perunding hanya boleh dilaksanakan sekiranya Agensi tidak mempunyai sebarang sumber rujukan/pengetahuan dalam bidang projek/kajian yang ingin dilaksanakan.
- 6.2. Sesi pembentangan oleh perunding hanya boleh dilaksanakan bagi firma yang lulus pra kelayakan atau yang telah disenarai pendek atau lulus peringkat penilaian kecukupan dokumen mandatori dan hendaklah dipanggil untuk sesi pembentangan pada hari yang sama.
- 6.3. Sesi pembentangan hendaklah dilaksanakan oleh JPP dan setiap perunding yang dipanggil hendaklah membuat pembentangan secara berasingan.
- 6.4. Jenis dan bilangan soalan kepada perunding hendaklah diselaraskan dan tempoh masa pembentangan yang diberikan hendaklah sama.

7. Penetapan Markah Lulus Penilaian dan Kriteria Penilaian termasuk Skema Pemarkahan

- 7.1. JPP hendaklah menetapkan kriteria, subkriteria, skema pemarkahan dan markah lulus penilaian teknikal mengikut kesesuaian TOR projek/kajian sebelum tender diiklankan.
- 7.2. JPP tidak dibenarkan untuk meminda kriteria, subkriteria, skema pemarkahan dan markah lulus penilaian teknikal setelah tender diiklankan. Oleh itu, JPP hendaklah memastikan sub kriteria dan markah lulus penilaian teknikal yang ditetapkan hendaklah munasabah. Sekiranya, semua petender gagal memenuhi kriteria dan markah lulus yang ditetapkan, perolehan hendaklah ditender semula secara tender terbuka.

8. Kriteria Penilaian Kos

- 8.1. Penilaian Kos hendaklah dilaksanakan dengan memastikan tawaran kos firma adalah betul dan menepati perkara-perkara berikut :
- 8.1.1. Faktor Pengganda yang digunakan tidak melebihi pekali yang ditetapkan di dalam manual;
 - 8.1.2. Sekiranya melibatkan perunding asing, pengiraan yuran Input Masa hendaklah secara charge rate berdasarkan dokumen sokongan perunding;
 - 8.1.3. Butiran dan kadar imbuhan balik hendaklah tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan;
 - 8.1.4. Sebarang kesilapan pengiraan kos perkhidmatan perunding sama ada yuran perunding ataupun imbuhan balik di dalam cadangan perunding (arithmetic error) hendaklah diperbetulkan;
 - 8.1.5. Gaji kakitangan sementara firma perunding hendaklah tidak melebihi skala yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan;
 - 8.1.6. Gaji kakitangan tetap firma hendaklah berdasarkan gaji pokok kakitangan yang disenaraikan dan disahkan oleh Prinsipal firma; dan
 - 8.1.7. Lain-lain perkara yang berkaitan (sekiranya ada).